

## Rumah RM1 juta diancam tanah runtuh, hakisan

Oleh Nor Amalina Alias - Disember 14, 2023



Keadaan runtuhannya tebing sungai membabitkan sebuah bangunan di Kampung Kuau ketika tinjauan menggunakan dron hari ini. – Bernama

Bachok : Sebuah rumah dua tingkat dianggar bernilai lebih RM1juta berisiko roboh selepas tanah di kawasan belakang kediaman itu di Kampung Kuau, di sini, runtuh akibat hakisan.

Runtuhan disedari berlaku ketika hujan lebat kira-kira jam 3.45 petang semalam, sebelum jiran memaklumkan pemilik kediaman yang dalam pembinaan itu, yang dikatakan tinggal di Kampung Binjai di Kota Bharu.

Fadilah Omar, 40, berkata dia dimaklumkan pemilik sepatutnya berpindah masuk ke rumah terbabit Februari depan selepas pembinaan memakan masa hampir lima tahun.

"Bila jadi hakisan, dah jadi status tak selamat... harap pihak berkenaan percepatkan bantuan," katanya ketika ditemui.

Jiran lain, Siti Fatimah Mat, 56, turut binmbang sehingga mengakui tidak dapat tidur lena selepas hakisan berlaku di kawasan itu, apatah lagi suaminya, Azmi Abdullah,66 terlantar akibat angin ahmar.

Katanya, terdapat tiga rumah menghadap Sungai Kuau dan setakat ini sudah tiga kali runtuh berlaku akibat hakisan di kawasan belakang rumah mereka dalam tempoh 10 tahun.

"Dahulu, keluasan sungai tak sampai 30 meter, sekarang terhakis semakin lebar.

"Saya tidur pun tak lena sebab bimbang berlaku lagi hakisan terutamanya waktu malam," katanya.



Keadaan runtuhan tebing sungai membabitkan sebuah bangunan di Kampung Kuau ketika tinjauan menggunakan dron hari ini. – Bernama

Penduduk lain, Hamzah Jusoh, 55, berkata meskipun benteng batu sudah dibina susulan hakisan di kawasan belakang rumahnya dua tahun lalu, kejadian hakisan berlaku lagi sehingga meresahkan penduduk.

"Jarak rumah dan sungai sangat dekat, jadi sekarang kami risau sebab musim hujan belum tamat, tambahan pula angin kuat.

"Ketika kejadian hakisan lalu, hampir sebulan kami menumpang rumah keluarga lain dan ketiadaan api dan elektrik kerana bimbang rumah runtuh," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Irama, Mohd Huzaify Che Hussin, yang melawat memaklumkan sebelum ini kawasan itu sudah dibaiki membabitkan peruntukan RM800,000.

"Untuk kejadian ini, kita akan angkat kertas laporan daripada JPS untuk memohon peruntukan bagi tindakan lanjut," katanya. -Berita Harian